

**PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN
KREATIVITI ORANG ASLI DALAM MENINGKATKAN KECERDASAN
KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

Noor Hanim Binti Harun

*Mohd Nazri Abdul Rahman

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*mohdnazri_ar@um.edu.my

Mohammad Asyraf Mansor

Pusat Kelestarian dan Komuniti UMCares

Nor Asiah Muhamad

Universiti Sains Malaysia

ABSTRACT

Teaching and learning management must be aligned with the growth of technology in digital age. A teacher's ability to apply a 21st century learning methods in a local learning environment will be the key factor in determining the effectiveness process of imparting knowledge. This research was done for the purpose of exploring the teaching and learning management of indigenous creativity in enhancing pre-school children's intelligence. Data collection was conducted through interviews which involves lecturer of indigenous people, lecturers of preschool, lecturer of early childhood education and indigenous activist. The finding of this study shows that the indigenous creativity that is suitable to be incorporated in teaching and learning management is the culture and heritage, arts and crafts, folklore, "Sewang" songs, medicinal herbs and day-to-day equipment's. In addition, the result also shows the most suitable method to be implemented by a teacher in teaching and learning is through acting, stories, songs and relationship with nature. The implication of this research shows that teaching and learning through indigenous creativity is capable of indirectly attracting indigenous children to school.

Keywords: *Teaching and learning management, Indigenous Creativity, Intelligence*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan indikator utama dalam memacu pembangunan sesebuah negara dalam era revolusi iR4.0. Menerusi sistem pendidikan yang berkualiti, pembentukan generasi yang berdaya maju dapat diterjemahkan dalam bentuk pembinaan keyakinan diri seseorang untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada di persekitarannya, serta mampu mencipta kerjayanya sendiri. Sistem pendidikan di Malaysia sehingga hari ini, telah mengalami pelbagai evolusi dari segi perancangan, tindakan dan pelaksanaan bagi mendepani cabaran digital masa depan. Sejajar dengan itu, proses pengurusan pengajaran dan pembelajaran perlu di dititikberatkan oleh semua pihak dalam memastikan matlamat pendidikan dapat direalisasikan. Rohani, Hazri dan Mohammad Zohir (2017) menjelaskan pengurusan pengajaran dan pembelajaran dalam abad ke-21 perlu merangkumi beberapa aspek seperti persediaan rancangan kerja, penetapan objektif atau hasil pembelajaran, sumber rujukan pengajaran dan pembelajaran, rancangan dan perlaksanaan pelajaran dan kaedah penilaian pengajaran dan pembelajaran yang digarapkan dengan kemahiran pembelajaran abad ke-21. Keseluruhan aspek ini

perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) turut menekankan aspek transformasi kurikulum iaitu beberapa pendekatan baharu perlu diserapkan dalam sektor pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012b). Transformasi kurikulum yang disarankan adalah peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Malaysia agar setanding dengan negara-negara maju (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a). Pengurusan pengajaran dan pembelajaran bagi pendidikan Orang Asli tidak terkecuali. Atas inisiatif ini, pihak Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Orang Asli bagi bagi memperbaiki, menangani dan menambahbaik masalah pendidikan Orang Asli terutamanya di kalangan kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Namun begitu masih terdapat isu-isu utama yang menjadi penyebab kepada kekangan keberkesanan sistem pengurusan pengajaran dan pembelajaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kajian oleh Thanabalan, Saedah dan Norlidah (2014), mendapati tahap literasi dan pencapaian pendidikan masyarakat Orang Asli berada pada tahap rendah.

Selain itu, kebimbangan yang lebih besar adalah isu masyarakat Orang Asli yang masih tidak menghadiri sesi persekolahan (KPM, 2010; Mohamad Johdi dan Mohamad Abdul Razak, 2009) sungguhpun peratus kehadiran kanak-kanak Orang Asli ke sekolah menunjukkan peningkatan daripada 86.3% (2016) kepada 87.3% (JAKOA, 2016). Terdapat peningkatan dalam pendaftaran kanak-kanak Orang Asli pada tahun 1 persekolahan, namun, kadar keciciran dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli masih berada pada tahap tinggi. Masalah keciciran pendidikan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli adalah disebabkan faktor ekonomi, sosial dan budaya masyarakat Orang Asli (Santha Kumar a/l Patayani, 2001). Dalam kajian Sharifah Md Nor, dan rakan-rakan (2011), mendapati kekurangan persekitaran pembelajaran yang kondusif akibat kemiskinan, kekurangan kemahiran dalam Bahasa Malaysia, kekurangan sokongan pendidikan seperti ibu bapa yang buta huruf, kurangnya kesedaran di kalangan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan, terutama pendidikan awal kanak-kanak serta batasan geografi menjadi penyebab kepada masalah keciciran kanak-kanak Orang Asli dalam sistem pendidikan arus perdana. Hal ini berlaku disebabkan masyarakat Orang Asli beranggapan bahawa kurikulum yang sedia ada tidak relavan dengan kehidupan dan persekitaran mereka. Kajian Norazira Yusof, (2002) mendapati keciciran kanak-kanak Orang Asli adalah disebabkan oleh masyarakat Orang Asli yang menolak silibus atau kurikulum yang digunakan di sekolah arus perdana. Sehubungan itu, dalam mendepani cabaran pendidikan iR4.0, pendekatan yang berbeza perlu diperimbangkan bagi menangani masalah dalam sistem pendidikan kanak-kanak Orang Asli.

PERNYATAAN MASALAH

Isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli seringkali dikaitkan dengan pencapaian akademik. Secara tuntasnya, pencapaian akademik kanak-kanak Orang Asli berada pada tahap rendah dan perlu sokongan pelbagai pihak (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2007). Selain itu, masyarakat Orang Asli di Malaysia juga masih jauh ketinggalan dalam aspek pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan. Isu keciciran, tidak bersekolah, penggunaan literasi dan numerasi yang rendah di kalangan kanak-kanak Orang Asli terus menjadi permasalahan utama (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Dalam aspek pendidikan Orang Asli, isu keciciran kanak-kanak Orang Asli dalam arus persekolahan terus menjadi agenda nasional. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di Malaysia oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2003, 2007, 2009) kadar keciciran kanak-kanak Orang Asli lebih tinggi berbanding dengan purata keciciran pada peringkat kebangsaan (Wong & Abdillah, 2018; Laporan Tahunan JAKOA, 2016). Selain itu, isu masalah bahasa juga menjadi satu permasalahan yang besar bagi kanak-kanak Orang Asli khususnya semasa mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas (Abdul Razak Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, 2009).

Seterusnya, pendidikan kanak-kanak Orang Asli turut dibelenggu dengan isu kurikulum kebangsaan yang tidak dapat memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Kajian Norazira Yusof, (2002) mendapati kurikulum kebangsaan tidak dapat memenuhi amalan dan sosiobudaya serta tidak relevan dengan kehidupan masyarakat Orang Asli. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Aminudin, Haziah dan Sharifah (2019), iaitu kajian mengenai pengetahuan pedagogi dalam kalangan guru yang mengajar di sekolah Orang Asli di negeri Pahang. Hasil dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa orang guru menyatakan kandungan silibus sedia ada tidak dapat dikaitkan dengan corak kehidupan masyarakat Orang Asli yang sedia ada. Disamping itu, isu ketidaksesuaian kandungan pelajaran dengan keperluan murid Orang Asli juga menjadi pemangkin kepada penolakan kurikulum kebangsaan oleh masyarakat Orang Asli (Sharifah Md Nor, et, al. 2011).

Tambah merumitkan, strategi pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di dalam kelas tidak dapat mengikut kepelbagaiannya tahap kognitif serta sosiobudaya murid Orang Asli yang seterusnya memberi kesan kepada pencapaian akademik yang rendah (Mohd Hasril Amiruddin et.al. 2015). Kajian Norwaliza Wahab dan Ramlee Mustapha (2015), menyatakan bahawa guru perlu mempelbagaikan kaedah serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan konteks masyarakat Orang Asli dalam menarik minat murid-murid Orang Asli.

Permasalahan pendidikan murid Orang Asli bertitik tolak daripada pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang perlu sering dengan keperluan pendidikan murid Orang Asli dalam konteks masyarakat setempat. Ketidakcekapan guru menguruskan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan persekitaran pembelajaran masyarakat Orang Asli memberi impak langsung terhadap pencapaian akademik, penguasaan literasi dan numerasi serta keciciran dan ketidakhadiran ke sekolah (Mohd Hasril Amiruddin et.al. 2015; Norwaliza Wahab dan Ramlee Mustapha, 2015; Norazira Yusof, 2002; Mohd Nazri Abdul Rahman, 2014). Maka, pengurusan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas perlu mengikut konteks masyarakat setempat agar dapat memenuhi keperluan pendidikan murid-murid Orang Asli. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk meneroka pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kreativiti Orang Asli yang dapat meningkatkan kecerdasan murid dan seterusnya manarik minat murid Orang Asli ke sekolah. Kreativiti Orang Asli merujuk kepada intelektualisme masyarakat Orang Asli yang menjadi medium bagi pengurusan pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Menurut Khairul Hisyam dan Ibrahim Ngah (2007), menyatakan intelektualisme Orang Asli adalah kekayaan ilmu pengetahuan serta kebijaksanaan mereka dalam menguruskan alam semula jadi. Maka, ilmu pengetahuan dan sosiobudaya masyarakat Orang Asli boleh diketengahkan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran murid Orang Asli di persekolahan arus perdana.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengurusan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kreativiti Orang Asli dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan kajian adalah:

“Bagaimanakah pengurusan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kreativiti Orang Asli yang diaplikasikan oleh guru bagi meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah Orang Asli?”

TINJAUAN LITERATUR

Kreativiti Orang Asli

Kreativiti Orang Asli merujuk kepada aspek intelektualisme masyarakat Orang Asli. Intelektualisme ditafsirkan sebagai satu perihal atau kemampuan menggunakan intelek daya fikir, sifat atau akal budi. Intelektualisme adalah satu doktrin yang menekankan bahawa pengetahuan terhasil dengan taakulan

yang asli atau tulen (Kamus Dewan, 2015). Menurut Khairul Hisyam dan Ibrahim Ngah (2007), menyatakan intelektualisme Orang Asli adalah kekayaan ilmu pengetahuan serta kebijaksanaan mereka dalam menguruskan alam semula jadi. Manakala, Dei, Hall, dan Rosenberg (2000) yang menyatakan intelektualisme Orang Asli merupakan pengetahuan yang terpinggir atau pengetahuan yang dipunyai oleh komuniti yang lemah dan pengetahuan yang mungkin tidak ada pendokumentasian atau pengetahuan yang diturunkan secara lisan dari satu generasi ke generasi oleh orang-orang tua dalam masyarakat itu. Masyarakat Orang Asli kaya dengan intelektualisme mereka dari sudut bahasa, pantang larang, budaya, adat resam, agama dan pegangan hidup atau sistem kepercayaan yang unik dan tersendiri. Keunikan ini merujuk kepada kreativiti masyarakat itu yang diterjemahkan melalui pelbagai bentuk pengetahuan berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan terhadap persekitaran seperti alam semulajadi, tempat tinggal, dan budaya masyarakat, serta pengetahuan yang diperoleh melalui ramalan, mimpi atau gerak-geri.

Pendidikan Prasekolah Orang Asli

Istilah prasekolah atau tadika telah digunakan bagi merujuk sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Terdapat dua jenis program pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia iaitu Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) atau Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) atau Pusat Anak Genious Negara (PAGN, PERMATA), bagi kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah. Seterusnya adalah Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika), Prasekolah, atau *Kindergarten* bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun (Nor Hashimah dan Yahya, 2007). Pada awalnya perkembangan prasekolah di Malaysia bermula sejak awal abad ke-19 dan pendidikan prasekolah telah bermula dalam bentuk tadika dan tabika. Penubuhan program prasekolah ini pada permulaannya adalah untuk asuhan atau jagaan kanak-kanak dan pusat-pusat ini kebanyakannya dibuka di kawasan perlombongan dan perladangan milik pihak British. Ini disebabkan keperluan pekerja yang bekerja dilombong dan ladang untuk meninggalkan anak mereka di pusat asuhan. Selain itu, program prasekolah ini pada mulaannya hanya bersifat untuk kesihatan dan kebajikan kanak-kanak dan kurang menitikberatkan aspek keperluan pendidikan.

Sehubungan itu, pihak kementerian telah mewujudkan satu kurikulum kebangsaan yang wajib digunakan oleh semua pihak atau agensi yang menyediakan perkhidmatan prasekolah. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), telah diwujudkan pada tahun 2010, dan telah dirangka dengan teliti bagi memenuhi keperluan dan kehendak serta mengikut keupayaan kanak-kanak berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seterusnya kurikulum ini telah disemak semula pada tahun 2016, bagi memenuhi dasar baru yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPIM) 2013-2025 dan mengikut keperluan semasa. Maka kanak-kanak Orang Asli di Malaysia juga diberi hak yang sama seperti kanak-kanak lain untuk mengikuti Program Pendidikan Prasekolah dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Penubuhan kelas-kelas prasekolah di kawasan Orang Asli khususnya di kawasan pendalaman di seluruh Malaysia telah ditingkatkan oleh kerajaan bagi memastikan semua kanak-kanak khususnya kanak-kanak Orang Asli mendapat pendidikan formal seperti kanak-kanak lain sebelum melangkah ke tahun 1 di arus perdana. Tambahan daripada itu, Kurikulum Standart Prasekolah Kebangsaan (KSPK) turut digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah Orang Asli di seluruh Malaysia dengan penggunaan 50% Bahasa Malaysia dan 50% dan Bahasa Inggeris (Dzari Hasbullah, 2016).

Kecerdasan kanak-kanak

Kecerdasan merujuk kepada kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti, dan lain-lain seperti kepandaian, kepintaran atau pun kecerdikan (Kamus Dewan, 2015). Kecerdasan ditakrifkan sebagai satu proses pertimbangan, pemahaman dan memberi alasan yang baik (Pyle, 1979). Menurut Richardson (2000), kecerdasan merujuk kepada kepantasan pelajar berbicara dengan logik, bersesuaian dengan

situasi, mengerti dan menyelesaikan masalah. Piaget melihat proses kecerdasan itu sebagai satu proses aktif yang diperoleh manusia melalui interaksi dengan objek, idea dan bergaul dengan orang lain (Mohd.Sharani Ahmad 2006). Kecerdasan lebih penting dalam proses penyelesaian dan pengurusan masalah dalam kehidupan (Roulinski, 2007). Ringkasnya, kecerdasan merujuk kepada keseluruhan ilmu pengetahuan yang diperoleh serta kebolehan untuk membuat adaptasi terhadap situasi baru dalam persekitaran.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada keseluruhan rangka projek penyelidikan yang menyatakan apakah jenis kajian yang hendak dilaksanakan, jenis maklumat yang perlu dikumpul, daripada sumber mana maklumat boleh didapati dan dengan kaedah bagaimana maklumat boleh diperolehi (Suziyani, 2014). Kajian ini bersifat kualitatif yang mana ia dijalankan melalui kaedah temubual iaitu *In-depth interview*. Menurut Zelditch (1962) menjelaskan bahawa temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang amat efisien dan melibatkan interaksi sosial bagi mendapatkan data yang mencukupi daripada informan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kutipan data dijalankan secara temubual bersemuka yang melibatkan komunikasi dua hala. Maklumat temubual direkodkan sebagai data untuk di analisis. Temubual dijalankan berdasarkan soalan-soalan temubual separa struktur untuk kajian ini.

Persampelan

Teknik persampelan yang digunakan adalah sampel bertujuan. Babbie (2002), menjelaskan persampelan bertujuan adalah pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan memenuhi keperluan tujuan kajian. Proses pengumpulan data dimulakan dengan menemu bual 5 orang pakar iaitu Pensyarah Pedagogi Pribumi, Guru Prasekolah Orang Asli, Pensyarah Pendidikan Awal kanak-kanak dan aktivis Orang Asli.

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis melalui transkripsi yang telah diolah dalam bentuk verbatim. Sewaktu proses membaca dan menganalisis, transkrip ini ditanda dan dilabel mengikut tajuk-tajuk yang menjurus kepada jawapan soalan kajian. Jawapan-jawapan yang sama atau hampir sama dikumpulkan dan diletakkan dalam satu kumpulan yang tertentu. Seterusnya jawapan temu bual yang telah dikelompokkan diletakkan dalam skop yang lebih luas bagi membentuk tema.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan analisis maklum balas yang diperoleh dari proses temubual terhadap pengurusan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kreativiti Orang Asli dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut:

“Bagaimanakah pengurusan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kreativiti Orang Asli yang diaplikasikan oleh guru bagi meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah Orang Asli?”

Dapatan Kajian: Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Kreativiti Orang Asli Dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-kanak Prasekolah

Dapatan analisis data yang dijalankan melalui kaedah temu bual dengan 5 orang pakar yang terdiri daripada Pensyarah Pedagogi Pribumi, Guru Prasekolah Orang Asli, Pensyarah Pendidikan Awal kanak-

kanak dan aktivis Orang Asli. Maklum balas yang diterima dari proses temubual terhadap pengurusan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kreativiti Orang Asli dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah adalah berikut:

Keupayaan Guru Untuk Merancang Pengajaran dan Pembelajaran

Dapatan temubual menunjukkan bahawa guru berupaya untuk merancang pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keperluan pendidikan murid Orang Asli bagi memastikan kesediaan dan persediaan rapi dibuat sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Ini kerana guru berperanan untuk merancang dan menyediakan rancangan pengajaran, menentukan jenis kaedah pentaksiran, sumber-sumber pendidikan, serta menyediakan ruang pembelajaran mengikut tahap kebolehan murid Orang Asli, peruntukan masa dan arahan. Keupayaan guru untuk mengabunggalinkan kreativiti Orang Asli sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran memberi impak besar terhadap murid Orang Asli. Hasil temubual menunjukkan bahawa:

“...Guru yang merancang pengajaran dan pembelajaran murid **perlu mempunyai kebolehan untuk merentas kurikulum kebangsaan dengan keperluan murid Orang Asli**. Selain memastikan kurikulum yang disesuaikan ini mengambil kira persekitaran dan pengalaman mereka...” (PP1:T1: 13-15)

Seorang guru prasekolah Orang Asli pula menyatakan,

“...Perancangan pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak Orang Asli perlulah menitikberatkan aspek **pengetahuan sedia ada mereka serta persekitaran masyarakat setempat...**” (GP1:T1:10)

Seterusnya, dapatan temubual menyatakan bahawa penekanan kreativiti Orang Asli perlu diserapkan semasa mengurus pengajaran dan pebelajaran murid prasekolah Orang Asli. Ini kerana ia dapat menarik minat kanak-kanak, selain membantu meningkatkan kecerdasan kanak-kanak tersebut.

“...Semasa merancang pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak Orang Asli, kreativiti Orang Asli perlu diselitkan oleh guru. Maka, setiap guru yang mengajar di sekolah Orang Asli perlu **menguasai dan berpengetahuan dalam setiap aspek kreativiti Orang Asli** seperti adat resam, amalan dan kepercayaan, kraftangan atau apa sahaja berkaitan dengan masyarakat Orang Asli...” (PPAK1: T1:25-26)

“...Dalam proses perancangan pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak Orang Asli, guru seharusnya mempunyai kemahiran mempelbagaikan dan menyesuaikan **strategi, pendekatan, kaedah dan teknik** dengan konteks masyarakat setempat Orang Asli. Perancangan pengajaran dan pembelajaran perlulah melibatkan **perspektif Orang Asli itu sendiri** dan wujudkan konsep **nilai tambah** dalam pengajaran guru. ...” (NGO1: T1: 12-13)

Kamahiran Guru sebagai Pengawal dan Pengelola

Dapatan temubual menunjukkan bahawa guru perlu mempunyai kemahiran bertindak sebagai pengawal dan pengelola proses pengajaran dan pembelajaran mengikut perancangan yang dibuat. Dalam erti kata lain, aspek ini memerlukan guru mempunyai kemahiran untuk mengawal isi pelajaran, mengabunggalinkan kreativiti Orang Asli sebagai bahan pengajaran dan peruntukan waktu agar murid mempunyai peluang untuk terlibat secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu, guru juga mengawal tingkah laku dan komunikasi murid dalam konteks sosiobudaya masyarakat setempat yang sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Hasil analisis temubual juga mendapati kesemua peserta kajian bersetuju bahawa persekitaran pembelajaran dan kaedah pengajaran yang disesuaikan dengan konteks masyarakat Orang Asli memberi impak positif dan menyeronokkan sekali gus meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah. Kenyataan ini dibuat oleh peserta kajian berikut:

“...kaedah pengajaran dan pembelajaran perlulah **menyeronok, pengajaran secara santai, lakonan, cerita dan bermain dapat menarik minat murid Orang Asli**. Kanak-kanak Orang Asli seronok bila guru bercerita dengan menggunakan kreativiti Orang Asli seperti cerita rakyat Orang Asli, adat resam atau kepercayaan Orang Asli yang secara langsung dapat meningkat kecerdasan kanak-kanak dari aspek kecerdasan verbal-linguistik, kecerdasan naturalis dan beberapa lagi...” (PPAKK1:T1:30-31)

Tambahan dari itu juga peserta kajian lain juga menyatakan:

“...guru dapat mengelola kelas secara **kontekstual** iaitu menggabungkan pengalaman murid Orang Asli dan penggunaan sumber alam sama ada aktiviti di dalam atau di luar bilik darjah. Ini membolehkan murid Orang Asli mengaitkan apa yang dipelajari dalam kelas dengan kehidupan sehariannya. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kecerdasan kanak-kanak secara menyeluruh,” (NGO1:T1:28-31)

Bagi peserta kajian berikutnya, beliau mengaitkan kawalan guru dalam pengajaran adalah dengan menyediakan persekitaran pengajaran yang bercorak mesra Orang Asli. Antara pandangannya:

“...pengelolaan bilik darjah, iklim persekitaran bilik darjah dikawal oleh guru perlu **mesra, memberi peluang dan ruang kepada murid Orang Asli untuk terlibat secara aktif**. Rancangan pengajaran guru seharusnya mengoptimumkan persekitaran alam atau tempat tinggal Orang Asli. Maka ini secara tidak langsung dapat mengetengahkan kreativiti Orang Asli dari aspek amalan budaya, tumbuhan herba, kraftangan, lagu sewang sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran....” (GP1:T1:26-29)

“...pengelolaan pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai seharusnya dapat **menggabungjalinkan pengetahuan setempat sebagai input pembelajaran murid Orang Asli**. Ini dapat membantu meningkatkan kecerdasan murid Orang Asli. Contohnya, kreativiti Orang Asli dari aspek hubungan dengan alam seperti motif atau corak ukiran kayu, lagu sewang dan permainan tradisi. Guru yang baik perlu mahir mengelola sesi pengajaran dan pembelajaran yang memberi ruang kepada murid Orang Asli untuk meneroka dan melakukan eksperimen dengan alam sekiling mereka. Ini akan membantu meningkat kecerdasan mereka dari sudut kecerdasan naturalis, visual-ruang atau eksistensial...” (PP1:T1:32-35)

Dapatan ini, seiring dengan penyataan peserta kajian berikutnya:

“...jika guru mempunyai kemahiran untuk menerapkan intelektualisme Orang Asli dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran, ia bukan saja akan menarik minat kanak-kanak, tetapi juga dalam masa yang sama dapat meningkatkan kecerdasan kanak-kanak. Lagu sewang atau **penggunaan Bahasa ibunda** semasa sesi nyanyian atau pembelajaran bahasa, ia dapat membantu meningkatkan kecerdasan verbal-linguistik, kecerdasan kinestetik atau kecerdasan muzik pada kanak-kanak menerusi kaedah nyanyian dan lakonan berasaskan kreativiti Orang Asli...” (GP2:T1:25-26)

“...Contoh masyarakat Orang Asli mengajar generasi muda mereka seperti kanak-kanak untuk membuat atau **menghasilkan sendiri bahan-bahan peralatan harian** seperti tikar, beg duit, alat-alat berburu atau apa-apa untuk keperluan harian mereka. Sekiranya guru dapat menggunakan kemahiran-kemahiran ini semasa mengelola aktiviti pembelajaran di dalam kelas, ia pasti akan dapat meningkatkan kecerdasan pelbagai kanak-kanak dengan menyepadukan elemen tersebut ...” (PP1:T1:38-39)

Peranan Guru Sebagai Pembimbing dan Pendorong

Dapatan kajian juga menyatakan pengurusan pengajaran dan pembelajaran memerlukan guru yang dapat menjalankan peranan sebagai pembimbing dan pendorong. Guru sebagai pembimbing bertanggungjawab memberi tunjuk ajar dalam menguasai isi pelajaran dan kemahiran, memandu murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah serta menggunakan sumber pendidikan, dan menggabung isi pelajaran dengan kemahiran atau mata pelajaran lain mengikut keperluan dan keupayaan murid dengan betul, tepat, secara berhemah dan bersungguh.

Peserta kajian bersepakat bahawa dalam aspek pengurusan pengajaran pembelajaran, peranan guru sebagai pembimbing dan pendorong adalah sangat penting. Tambahan lagi, guru bertanggungjawab dalam meningkatkan kualiti kualiti pengajaran dan pembelajaran agar lebih menarik dan praktikal serta menyeronokkan. Berikut beberapa dapatan kajian hasil temubual yang dijalankan:

“...sebagai seorang guru kita juga adalah pengajar dan pendidik, maka nilai-nilai yang perlu difikirkan dalam kreativiti Orang Asli untuk kanak-kanak prasekolah Orang Asli ini perlu melibatkan unsur identiti, keterkaitan, keterangkuman, ketimbalbalikan iaitu mengiktiraf pengalaman dan perspektif Orang Asli, pemupukan sifat seperti sabar, serta menghormati atau menerima nilai masyarakat Orang Asli...” (PP1:T1:45)

“...berperanan sebagai pembimbing dan pendorong, guru memainkan peranan untuk **menerapkan elemen kasih sayang, tidak perlu marah atau terlalu tegas kepada murid yang sangat lemah**. Keupayaan guru untuk **memahami gaya keibubapaan masyarakat Orang Asli** akan membantu guru menjadi pembimbing dan pendorong yang terbaik bagi murid Orang Asli...” (GP2:T2:42-43)

“...guru perlu lebih **kreatif dan inovatif** untuk menggunakan pengetahuan setempat seperti melakukan lebih banyak interaktif atau gerakan kreatif seperti nyanyian, tarian dalam mewujudkan dan menggalakkan komunikasi murid Orang Asli..” (GP1:T1:47)

“Guru perlu memberi lebih banyak **pujian dan memberi ganjaran** kepada murid Orang Asli supaya kecerdasan emosi kanak-kanak juga dapat ditingkatkan seiring dengan kecerdasan yang lain yang mana ini dapat meningkatkan motivasi murid dalam pengajaran dan pembelajaran...” (NGO1:T1:42)

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa kreativiti Orang Asli seperti lagu sewang, adat budaya, seni kraftangan, cerita rakyat, hubungan dengan alam atau tempat tinggal sesuai diterapkan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak orang Asli sama ada sebagai bahan bantu mengajar atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menerusnya, intelektualisme yang diwarisi dari generasi terdahulu mempunyai kesinambungan dan dapat dipertahankan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kreativiti Orang Asli bagi meningkat kecerdasan murid-murid prasekolah, perlulah mengambil kira pengetahuan sedia ada murid dan latar belakang keluarga serta pengalaman sedia ada yang dikuasai oleh murid-murid Orang Asli. Guru juga perlu mempunyai kemahiran merancang dan menyediakan rangka pengajaran dan pembelajaran yang menghubungkaikan kurikulum arus perdana dengan menggunakan bahan yang ada dalam persekitaran masyarakat Orang Asli. Ini selari dengan penjelasan Rosmah dan Mariani (2014), iaitu pada peringkat permulaan sebelum proses pengajaran, guru haruslah mempunyai kebolehan untuk menilai sukanan mata pelajaran yang hendak diajar dan seterusnya mengaplikasikannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, pengurusan pengajaran dan pembelajaran murid-murid Orang Asli seharusnya tidak mengetepikan kreativiti Orang Asli yang unik dalam masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana, ia dapat membantu dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah Orang Asli selain mengekalkan nilai budaya masyarakat Orang Asli. Teori Kecerdasan Gardner, menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai sembilan kecerdasan yang belainan, maka keupayaan guru untuk mempelbagaikan pendekatan pengajaran menerusi pengelolaan dan pengurusan pengajaran dan pembelajaran akan memberi impak positif terhadap pencapaian murid Orang Asli (Zainun Ishak & CHe Zainon Omar, 2017).

Bertindak sebagai pembimbing dan pendorong kepada murid Orang Asli, guru perlu mempunyai kemahiran untuk mengenalpasti kecerdasan muridnya. Ini kerana bagi Richardson (2000), kecerdasan merupakan kepantasan pelajar berbicara dengan logik, bersesuai dengan situasi, memahami dan menyelesaikan masalah. Maka, sebagai pendorong guru dapat menggalakan muridnya untuk berfikir dan menyelesaikan masalah mengikut konteks masyarakat orang Asli.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa guru perlu bijak mengawal dan mengelola perjalanan sesi pembelajaran dan pengajaran mengikut kurikulum yang telah digariskan. Namun, guru yang mahir mengelola pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak Orang Asli berupaya mengembangkan potensi murid Orang Asli mengikut kecerdasannya. Munurut Faiq (2009), kecerdasan adalah kebolehupayaan kognitif dalam mempelajari sesuatu daripada pengalaman dan seterusnya membuat penyesuaian diri dalam kehidupan harian. Maka, pelaksanaan kurikulum arus perdana yang diintergrasikan dengan kreativiti masyarakat Orang Asli oleh guru, bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman murid Orang Asli tetapi juga membentuk perwatakan jati diri Orang Asli masa depan.

Selain itu, dapatkan ini selari dengan kajian oleh Azli dan Abu Bakar (2013), yang menjelaskan bahawa unsur muzik dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan lagi kepintaran dan perkembangan kognitif serta Bahasa kanak-kanak. Ringkasnya dapatkan hasil temubual peserta kajian menjelaskan bahawa penggunaan lagu sewang menerusi pendekatan menyanyi dapat meningkatkan kecerdasan muzik, kinestetik dan kecerdasan bahasa kanak-kanak prasekolah Orang Asli.

KESIMPULAN

Konklusinya, berdasarkan hasil dapatkan kajian mendapati bahawa kreativiti Orang Asli seperti aktiviti-aktiviti berasaskan kehidupan dan penggunaan bahan pengajaran dari sumber persekitaran dan kehidupan masyarakat Orang Asli seperti alat kraftangan, perhiasan, tumbuhan herba, lagu sewang, peralatan harian, lagu sewang dan certa rakyat dapat dijadikan sebagai asas dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran prasekolah Orang Asli. Penggabungan mahupun intergrasi elemen kreativiti Orang Asli dalam pengajaran dan pembelajaran secara langsung dapat meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah Orang Asli. Disamping itu, ia juga dapat membantu dalam menarik minat dan sekali gus meningkatkan motivasi kanak-kanak Orang Asli untuk hadir ke sekolah. Ini kerana guru mempunyai pengaruh yang besar kepada pelajar dalam mengusai dan memahami sesuatu subjek. Penilaian guru bukan hanya terhad kepada corak pengajaran, tetapi juga aspek hubungan dan interaksi guru dengan pelajar juga dititikberatkan (Norazizah Abdul Aziz, et, al. 2008)

PENGHARGAAN

Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), FP026-2017A

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (2009). Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan sosiobudaya. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aminuddin Mohamed, Haziah Sa’ari, & Sharifah Zarina Syed Zakaria. (2019). *Creativity and innovation as an indigenous pedagogy method*. Journal of Educational Research and Indigenous Studies, 1(1).
- Arbaa, R., Jamil, H., & Abd Razak, N. (2010). *Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar*, 35(2), 61–69.
- Asmawati Mohamad Ali, Norizal Abdul Karim @ SAB, Anita Mohamed & Norihan Ismail. (2018). *Aplikasi Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Aktif dalam Subjek Kemahiran Dinamika Bagi Merealisasikan Pendidikan Abad ke-21*. Sains Humanika, Vol. 10, No 3-2.
- Azli Ariffin & Abu Bakar Yusof. (2013). *Pembinaan modul pedagogi MK2K berdasarkan muzik untuk kurikulum prasekolah*. Tesis Sarjana Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, Perak.
- Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri. (2013). Kurikulum PERMATA Negara: Asuhan dan didikkan awal kanak-kanak 0-4 tahun. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Dei, S.G. J, Hall, B.L. & D.G. Rosenberg, D. (2002). *Indigenous Knowledges in Global Contexts: Multiple Readings of Our World*. Toronto: University of Toronto Press.
- Faiq, M. Z. (2009). *Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Laporan Projek Sarjana.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan edisi ke-4 (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012 a). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025*, Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012b). *Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020*, Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan* (2016). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Hasril Amiruddin, Noorazman Abd. Samad & Norasmah Othman. (2015). *AnInvestigation Effects of Mastery Learning Strategy on Entrepreneurship Knowledge Acquisition among Aboriginal Students*. Procedia - Social and Behavioral Sciences 204 (183-190).
- Mohamad Johdi Bin Salleh & Abdul Razak Ahmad. (2009). *Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli*. Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. 47–58.
- Mohd Nazri bin Abdul Rahman (2014): Pembangunan Model Homeschooling Berasaskan Nilai Dan Amalan Masyarakat Bagi Kanak-Kanak Orang Asli: Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Mohd. Sharani Ahmad. (2006). *Psikologi Kanak-kanak*. Selangor: PTS Proffesional.
- Mok Soon Sang (2008). *Kursus Penilaian Tahap Kecekapan P.T.K.* Puchong: Multimedia-ES Resources Sdn. Bhd.
- Norazira Yusof. (2002). *Pendidikan: Dimensi Baru Perubahan Sosial Masyarakat Orang Asli di Batu 12, Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana Muda Sastera Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya.
- Norwaliza Abdul Wahab & Ramlee Mustapha. (2015). *Reflections on Pedagogical and Curriculum Implementation at Orang Asli Schools in Pahang*. Procedia-Social and Behavioral Sciences 172, 442-448.
- Richardson, K. (2000). *Understanding Intelligence*. Open University Press. Philadelphia, USA.

- Rohani, Hazri & Mohammad Zohir (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1):1-11.
- Rosmah Abd. Ghazni & Mariani Md. Nor (2014). *Perlaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh Guru Prasekolah*. Jurnal Peradaban. 7, 40-68.
- Santha Kumar Payani Yanai. (2001). *Masalah Keciciran Pendidikan di Kalangan Anak-anak Orang Asli di Melaka*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sharifah Md Nor, Samsilah Roslan, Aminuddin Mohamed, Kamaruddin Abu Hassan, Mohamad Azhar Mat Ali & Jaimah Abdul Manaf (2011), Dropout Prevention Initiatives for Malaysian Indigenous Orang Asli Children. *International Journal on School Disaffection*. Vol. 8 (1): 42-56.
- Suziyani Mohamad, (2014). *Adaptasi Silang Budaya ASQ: SE di Malaysia*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan: Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainun Ishak & CHe Zainon Omar. (2017). *Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: ZIT Publishing.